

0858

U B324 BAH
MAHATHIR - RAZALEIGH

SEREMBAN, 15 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA PRESIDEN SEMANGAT 46 TENGGU RAZALEIGH HAMZAH BERBIKAP BOROS SEMASA MENJADI MENTERI KEWANGAN SEHINGGA MEMBELANJAKAN SEBANYAK \$4 JUTA UNTUK MEMBINA PEJABATNYA.

KATA PERDANA MENTERI, BELIAU BERKATA DEMIKIAN BUKANNYA UNTUK MENGATA-NGATA, +TETAPI IA MERUPAKAN HAKIKAT.+

+KALAU NEGARA INI DIPERINTAH OLEH ORANG SEMACAM INI, DIA AKAN JADIKAN NEGARA INI BANKRAP KERANA HUTANG SELURUH DUNIA UNTUK BERBELANJA BANYAK,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MENGADAKAN PERJUMPAAN DENGAN CALON-CALON DAN PEKERJA JENTERA PILIHAN RAYA BARISAN NASIONAL DI DEWAN MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN (MPS) DI SINI.

SAMBIL MENYIFATKAN MANIFESTO GAGASAN RAKYAT YANG ANTARANYA BERJANJI UNTUK MENGHAPUSKAN BEBERAPA JENIS CUKAI SEBAGAI +MANIFESTO PANCING UNDI,+ BELIAU BERKATA, SEGALA JANJI PEMBANGKANG TIDAK MUNGKIN BOLEH DILAKSANAKAN KERANA IA PERLU BANYAK BERBELANJA TANPA MENGUTIP CUKAI.

+SETAHU SAYA, KALAU NAK BELANJA BANYAK TAPI TAK MAHU KUTIP CUKAI, KENALAH BERHUTANG,+ KATANYA.

MENURUTNYA, SEMASA MENJADI MENTERI KEWANGAN, TENGGU RAZALEIGH BANYAK BERHUTANG SEHINGGA HUTANG ITU TERPAKSA DITANGGUNG OLEH KERAJAAN SEKARANG. -- LAGI.

1931MST 15 10 90

0859

U B325 BAH
MAHATHIR - RAZALEIGH 2 SEREMBAN

DALAM UCAPANNYA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN NAMPAK MEWAH SEMASA ZAMAN KEMELESETAN EKONOMI DAHULU KERANA TENGGU RAZALEIGH TERLALU BANYAK BERHUTANG.

MENURUTNYA, BANYAK NEGARA TELAH MENJADI HAMBAN KEPADA BANK DUNIA KERANA TERLALU BANYAK BERHUTANG DAN MENJADI BANKRAP.

BELIAU BERKATA, MANIFESTO BN TIDAK MEMBUAT JANJI YANG KETERLALUAN KERANA +KITA JANJI APA YANG BOLEH KITA BUAT+.

KERAJAAN SENTIASA BERUSAHA MENGURANGKAN CUKAI SEKIRANYA BOLEH BERBUAT DEMIKIAN, KATANYA.

MENURUTNYA, KUTIPAN TOL MISALNYA BOLEH DIKURANGKAN TETAPI MUSTAHIL DIHAPUSKAN KERANA KUTIPAN ITU PERLU UNTUK MELAKSANAKAN PELBAGAI PROJEK TERMASUK JALAN-JALAN KECIL YANG TIDAK DIKENAKAN TOL.

MENGENAI JANJI PEMBANGKANG UNTUK MENAMBAH KADAR ROYALTI KEPADA NEGERI-NEGERI YANG MENGELUARKAN MINYAK, BELIAU BERKATA, LANGKAH ITU AKAN MENGAKIBATKAN NEGERI-NEGERI LAIN YANG TIDAK MEMPUNYAI MINYAK TIDAK DAPAT BERSAMA-SAMA MENIKMATI KEKAYAAN ITU.

BELIAU JUGA BERKATA, KERAJAAN TELAH MENJIMATKAN KIRA-KIRA \$700 JUTA KERANA MEMBUAT KEPUTUSAN UNTUK MEMBINA JAMBATAN PULAU PINANG LEBIH AWAL.

KATANYA, KOS PEMBINAAN JAMBATAN SEUMPAMA ITU TELAH MENINGKAT KEPADA \$1,400 JUTA BERBANDING DENGAN \$700 JUTA PADA MASA DAHULU. -- BERNAMA.

1933MST 15 10 90